

04/10/1998

Khalil hargai hasrat Perdana Menteri

KUANTAN: Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, menghargai hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mendapatkan pandangan pemimpin kanan Umno berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata, walaupun Dr Mahathir mempunyai kuasa mengikut Perlembagaan negara untuk melantik timbalannya, beliau masih mahu mengambil kira pandangan pemimpin kanan parti.

"Kita berasa gembira kerana Dr Mahathir akan bertanya kepada rakan yang kanan dalam parti," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rombongan Pergerakan Pemuda Umno bahagian Jerantut, di Wisma Sri Pahang, di sini, semalam.

Mohd Khalil berkata, sebenarnya Perdana Menteri tidak perlu mengadakan perundingan dengan sesiapa mengenai pelantikan itu sebagaimana beliau melucut jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai rombongan Pemuda Umno bahagian Jerantut yang diketuai Azman Ismail, katanya, beliau menjelaskan kepada mereka berkaitan isu pemecatan Anwar daripada kerajaan dan parti.

"Saya menceritakan kenapa tindakan diambil terhadap Anwar. Saya juga memberitahu mereka bahawa Anwar diberi masa mempertahankan diri dalam mesyuarat Majlis Tertinggi sebelum beliau dipecat," katanya.

(END)